



قجابت منتری بسر قهش
PEJABAT MENTERI BESAR PAHANG

KENYATAAN MEDIA

RM7.8 JUTA BANTUAN PRIHATIN PAHANG (BPP) COVID-19 SECARA BERSASAR KEPADA RAKYAT PAHANG TERKESAN PKP 3.0/PKPD

Sukacita saya umumkan peruntukan RM7.8 juta bagi pelaksanaan Bantuan Prihatin Pahang (BPP) COVID-19 secara bersasar, kepada rakyat negeri Pahang yang terkesan dengan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Peruntukan besar yang disediakan ini sebagai tanda mengambil kisah dan mengambil berat Kerajaan Negeri ke atas kemaslahatan rakyat, apatah lagi dalam menghadapi tempoh yang sukar sekarang.

Ia juga disediakan adalah menurut kemampuan kewangan Kerajaan Negeri ketika ini.

Sepertimana inisiatif-inisiatif bantuan yang Kerajaan Negeri berikan sebelum ini, BPP COVID-19 secara bersasar yang akan diberikan kali ini masih dalam bentuk wang tunai dan barangan keperluan.

Antara golongan yang akan mememanfaatkannya ialah petugas barisan hadapan, penjaja harian, pemandu teksi, kes-kes COVID-19 aktif termasuk mangsa menjalani kuarantin di rumah, gelandangan, miskin tegar, orang kelainan upaya (OKU) dan warga emas penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang berusia 80 tahun ke atas.

Segala persediaan sedang giat dilakukan dan saya berharap, pengagihan sebenar BPP COVID-19 secara bersasar ini dapat dilaksanakan sesegera mungkin agar bakal-bakal penerima dapat mememanfaatkannya dalam kadar segera juga, In Sya Allah.

Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail
Menteri Besar Pahang
24 MEI 2021